

1024- POTENSI WAKAF DALAM SEKURITI MAKANAN: SATU SOROTAN AWAL

HASLIZA TALIB

Pusat Pengajian Teras
Universiti Islam Selangor (UIS)
hasliza@kuis.edu.my

DR MUSA SARIP

Fakulti Syariah dan Undang-undang
Universiti Islam Selangor (UIS)
mmusa@kuis.edu.my

NORHAYATI ABD GHANI

Fakulti Syariah dan Undang-undang
Universiti Islam Selangor (UIS)
nurhayati.ag@kuis.edu.my

ABSTRACT

Krisis sekuriti makanan yang melanda negara memberi banyak kesan kepada rakyat dan perlu ditangani segera. Perancangan yang tersusun perlu dirangka untuk mengukuhkan sekuriti makanan dan menjamin kos sara hidup berada pada tahap bersesuaian. Keadaan bertambah buruk dengan kenaikan harga barang makanan dan keperluan harian. Kegagalan menanganinya memberi kesan negatif kepada rakyat terutama yang berpendapatan rendah. Situasi ini disebabkan negara terlalu bergantung pada import bahan makanan. Perhatian serius terhadap ancaman keselamatan bekalan makanan perlu ditangani segera dengan mengaktifkan sektor pertanian. Dengan demikian, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti potensi wakaf sebagai satu alternatif untuk membantu keterjaminan makanan negara serta menambah produktiviti dengan melibatkan instrumen wakaf secara aktif. Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan secara kualitatif iaitu kajian perpustakaan dengan meneliti sumber sekunder berkaitan dengan wakaf dalam industri makanan seperti wakaf pertanian yang telah dipraktikkan sebagai salah satu alat pembiayaan yang dapat meningkatkan sumber makanan. Kajian ini menunjukkan bahawa wakaf mempunyai peranan penting sebagai alat yang dapat membantu dalam peningkatan industri makanan ke arah kesejahteraan ekonomi dan sosial bagi menjamin kualiti hidup. Walaubagaimanapun potensi wakaf masih belum dikembangkan dengan optimum serta memerlukan strategi yang sistematik untuk berperanan dalam keterjaminan makanan di Malaysia.

Kata kunci: wakaf, sekuriti makanan, pembangunan ekonomi

PENDAHULUAN

Krisis sekuriti makanan semakin mendapat perhatian masyarakat dunia ketika ini. Pertambahan populasi yang meningkat tidak diimbangi dengan peningkatan dalam pengeluaran makanan negara sehingga menyebabkan kebanyakan negara menghadapi ancaman dalam keterjaminan makanan. Isu kenaikan harga beras putih import serta kesukaran untuk mendapatkan bekalan beras Super Spesial Tempatan (SST) menjadi isu terbaru. Keadaan ini telah mengundang kebimbangan pengguna mengenai kos sara hidup. Pihak kerajaan melalui Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) telah memainkan peranan penting dalam menangani isu-isu berkaitan dengan bekalan makanan, harga barang-barang makanan, dan kualiti makanan untuk memastikan rakyat mendapat

akses kepada makanan yang berkualiti dengan harga yang berpatutan. Dalam Islam keterjaminan makanan sangat dititikberatkan. Ini dapat dilihat dalam pelaksanaan sesuatu ibadah seperti penetapan pembayaran zakat, pembayaran fidyah dan pembayaran kafarah sumpah adalah dengan menggunakan makanan asasi sesebuah negara seperti gandum dan beras.

Sekuriti makanan bermakna semua orang pada setiap masa boleh memperoleh makanan yang mencukupi untuk meneruskan hidup yang sihat dan aktif. Menurut Pertubuhan Makanan dan Pertanian Bangsa-bangsa Bersatu (FAO), sekuriti makanan wujud apabila semua manusia pada bila-bila masa memperoleh makanan berkhasiat secara mencukupi. Selain itu, makanan tersebut mestilah selamat bagi memenuhi keperluan dan pemilihan pemakanan manusia bagi membolehkan mereka menjalani suatu kehidupan yang aktif dan sihat (Noorfazreen & Asmak, 2011). Mohamed et al. (2021) telah mengemukakan empat garis tindakan atau instrumen dalam menangani krisis makanan yang merujuk kepada dasar yang digunakan oleh bank dunia iaitu mengawal dan menstabilkan harga pengguna, pengukuhan stok penimbal, mewujudkan jaringan keselamatan terhadap akses makanan dan instrumen yang merangsang tindak balas penawaran bekalan dalam pertanian.

SEKURITI MAKANAN DARI PERSPEKTIF ISLAM

Imam Al-Syatibi dalam membincangkan berkaitan maqasid syariah menekankan tentang aspek memelihara lima perkara iaitu menjaga nyawa, menjaga agama, menjaga keturunan, menjaga harta dan menjaga akal (Asmadi, 2016). Maka segala usaha bagi menjamin kecukupan makanan adalah terkait dengan penjagaan kelima-lima perkara tersebut. Bagi memenuhi keperluan asas di peringkat *daruriyyat* manusia memerlukan makanan untuk meneruskan kehidupan, dengan kehidupan tersebut manusia mampu melaksanakan tanggung jawab beragama dalam menunaikan amanah sebagai hamba Allah SWT. Dengan keterjaminan makanan dapat memastikan kelahiran generasi yang sihat yang mampu untuk menguruskan kehidupan dengan penjagaan harta dan akal yang sempurna. *Al-daruriyyah* merupakan perkara asas yang mana jika tidak ada salah satu dari perkara-perkara tersebut akan menyebabkan kerosakan yang besar dalam kehidupan manusia di dunia dan akhirat. Maka bagi memastikan manusia terus hidup dalam menjalankan amanah sebagai khalifah Allah SWT adalah sangat terkait rapat dengan keterjaminan makanan.

Justeru itu, adalah menjadi tanggungjawab kepada pemimpin sesebuah negara untuk memenuhi keperluan asas bagi setiap ahli masyarakat terutamanya dari aspek makanan. Ini menjelaskan peranan pemimpin negara adalah sangat penting dalam memastikan sekuriti makanan terjamin dengan mewujudkan dasar atau polisi untuk mengatasi ketidakcukupan makanan dalam negara. Polisi yang dilakukan oleh Nabi Yusuf a.s. yang menyediakan simpanan makanan dalam tempoh tujuh tahun merupakan satu garis panduan bagi sesebuah negara untuk memastikan sekuriti makanan terjamin. Semasa Baginda menjadi Menteri Kewangan Mesir, seluruh negara yang berdekatan mengalami krisis sekuriti makanan yang teruk dan memaksa rakyat negara berdekatan datang ke Mesir untuk mendapatkan bekalan makanan

“Yusuf berkata: “Supaya kamu bertanam tujuh tahun (lamanya) sebagaimana biasa; maka apa yang kamu tuai hendaklah kamu biarkan kecuali sedikit untuk kamu makan. Kemudian sesudah itu akan datang tujuh tahun yang

amat sulit, yang menghabiskan apa yang kamu simpan untuk menghadapinya (tahun sulit), kecuali sedikit dari (bibit gandum) yang kamu simpan”. (Surah Yusuf, 12: 47-48)

Peringatan itu sewajarnya diambil pengajaran dan peringatan yang jelas mengenai persoalan sekuriti makanan dan kedaulatan sesebuah negara. Selain itu, ia juga boleh dijadikan panduan yang mana sebuah negara mestilah mempunyai polisi yang jelas dan sesuai berkaitan sekuriti makanan kerana ia adalah keperluan asasi yang *daruriyyat*. Biarpun negara mahu mencapai pembangunan dan kemajuan melalui penekanan dalam perindustrian, namun sekuriti makanan perlu diambil berat. Walau bagaimanapun, makanan yang ditawarkan tersebut mesti selamat, mengandungi kandungan nutrien dan pastinya halal. Islam sememangnya menekankan aspek makanan halal, namun kesedaran tentang makanan halal dan selamat kini semakin meningkat selari dengan peningkatan jumlah umat Islam di dunia (Noorfazreen & Asmak, 2011).

Sekuriti makanan juga amat menekankan keperluan menyimpan makanan khususnya bijirin seperti padi, gandum dan sebagainya, dengan demikian keperluan makanan asasi masyarakat akan terjamin dan selamat untuk memastikan kecukupan makanan halal dan juga meliputi aspek *tayyibah*. Ia juga mencakupi aspek ekonomi dan sosial iaitu memberi kuasa kepada individu untuk mengakses makanan daripada pendapatan yang diperoleh, penglibatan masyarakat dalam aktiviti sekuriti makanan seperti menyalurkan bantuan makanan dan terlibat dalam pengeluaran makanan itu sendiri (Noorfazreen & Asmak, 2011). Pandangan ini disokong oleh Muhammad Izzat & Muhammad Hakimi (2021) yang menyatakan bahawa perbincangan tentang daya tahan sekuriti makanan bukan hanya berkisar pada ketersediaan makanan sahaja tetapi ia juga merangkumi aksesibilitinya kepada masyarakat. Krisis makanan boleh wujud walaupun ketersediaan makanan masih stabil jika sukar diakses oleh masyarakat yang menyebabkan salah satu faktor harga yang tinggi dan mengurangkan kuasa beli masyarakat.

Sekuriti makanan dalam Islam sangat ditekankan melalui instrumen-instrumen pengagihan harta kepada golongan fakir miskin seperti zakat, infak, sedekah, aqiqah, korban, fidyah, kaffarah dan wakaf (Muhammad Izzat & Muhammad Hakimi, 2021), (Nur Annizah & Pazim @ Fadzim, 2005). Salah satu asnaf penerima zakat adalah golongan fakir dan miskin serta pembayaran zakat adalah dalam bentuk makanan asasi sesebuah negara walaupun sekarang ini tidak dibayar dalam bentuk matawang namun masih mengikut nilai makanan asasi tersebut. Begitu juga bayaran untuk fidyah dan kafarah juga disyaratkan pengagihan makanan asasi kepada golongan yang memerlukan. Manakala ibadah korban pula perlu diberi satu pertiga daging korban kepada fakir dan miskin. Daging korban yang terdiri daripada unta, lembu dan kambing merupakan sumber makanan masyarakat setempat. Maka di sini jelas bahawa sekuriti makanan dalam Islam sangat ditekankan sebagai memenuhi keperluan kehidupan masyarakat yang harmoni dan stabil.

Rasulullah SAW juga memberi penekanan yang tinggi dalam sekuriti makanan ketika memberi galakan kepada Saidina Uthman Ibn Affan ra membeli telaga daripada seorang Yahudi sebagai sumber minuman untuk diwakafkan kepada penduduk Madinah (Rasyidah Md. Khalid et al., 2021), (Mohd Afandi et al., 2022). Wakaf kebun kurma dan telaga Bayruha' milik Abu Talhah ra (Mohd Ashrof Zaki, 2018) juga merupakan strategi penting dalam menjaga sekuriti makanan pada zaman Rasulullah SAW. Jelas bahawa instrumen

wakaf telah memainkan peranan yang besar dalam menjamin sekuriti makanan sejak dari awal kedatangan Islam.

ISU-ISU DALAM SEKURITI MAKANAN

Berdasarkan perangkaan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) pada 31 Julai 2023, jangkakan jumlah populasi penduduk negara berlaku pertambahan kepada 33.4 juta pada kadar 2.1 peratus berbanding 32.7 juta orang pada tahun 2022. Malah, secara relatifnya populasi penduduk negara dijangka akan terus mengalami pertambahan pada kadar sebanyak 0.2 peratus setahun. Secara umumnya, pertambahan populasi penduduk berkait rapat dengan permintaan bekalan makanan iaitu semakin ramai penduduk, maka semakin tinggillah permintaan makanan dalam sesebuah negara. Maka negara perlu mempunyai sumber makanan yang stabil. Kestabilan tersebut melihat kepada pencapaian makanan pada tahap mencukupi, selamat dan berkhasiat. Selain itu, akses makanan tersebut mestilah stabil dari aspek ketersediaan, kebolehcapaian atau berkemampuan, penggunaan yang selamat. Hal ini juga merupakan aspek yang penting bagi memenuhi sekuriti makanan negara.

Di Malaysia, ketidakstabilan sumber komoditi makanan, tahap sara diri yang rendah, sektor pengeluaran makanan yang tidak mencukupi, import makanan meningkat, perubahan corak permintaan makanan serta ancaman fenomena semula jadi telah menjadi satu isu utama bagi mendepani krisis makanan (Mad Nasir, 2019; Mohamed et al., 2021; Omar et al., 2019). Merujuk kepada statistik 2021 Jabatan Perangkaan Malaysia, ukuran Kadar Sara Diri (Self-Sufficiency Ratio, SSR) negara pada tahun 2021, SSR untuk produk makanan masih rendah iaitu beras 65.0%. SSR menjadi kayu ukur sesebuah negara dalam memenuhi keperluan makanannya daripada pengeluaran domestiknya sendiri. Perkara ini menyebabkan kerajaan perlu mengimport makanan dari luar.

Kebergantungan negara kepada import makanan daripada negara luar menjadi ancaman utama kepada kelangsungan sekuriti makanan domestik kerana tindakan dan gelagat negara-negara pengeluar yang berhadapan dengan pelbagai krisis luaran dan dalaman akan menggugat kestabilan bekalan makanan dalam negara. Pada tahun 2022, import makanan bagi negara telah melepasi paras tertinggi yang pernah direkodkan iaitu sebanyak RM63 bilion. Keadaan ini amat membimbangkan tambahan lagi untuk memastikan sekuriti makanan negara sentiasa berada dalam keadaan terjamin dan stabil (Umi Hamidaton Mohd Soffian Lee, 2023). Pada Julai 2023 India telah menghentikan eksport beras putih untuk mengawal harga yang melonjak di dalam negara dan memastikan ketersediaan bekalan tempatannya. India menegaskan terpaksa berbuat demikian berikutan harga antarabangsa yang tinggi selain didorong oleh senario geo-politik, sentimen El Nino dan keadaan iklim yang melampau di negara pengeluar beras lain. Gelombang haba yang membakar pada 2022 turut menjejaskan pengeluaran gandum India. Kedua-dua isu ini mengancam untuk mencetuskan krisis makanan yang lebih luas (Utusan Malaysia, Ogos 2023). Maka kebergantungan kepada sumber makanan import perlu dikawal bagi memastikan sekuriti makanan dalam negara tidak terancam.

Selain daripada faktor harga import makanan yang meningkat, faktor-faktor lain yang mendorong peningkatan kos pengeluaran turut melibatkan harga baja, tenaga kerja dan kos pengangkutan. Selain itu, perubahan cuaca dan iklim juga mempengaruhi hasil tanaman, yang secara langsung mempengaruhi bekalan makanan di pasaran. Bukan itu sahaja, faktor global

seperti kenaikan harga minyak dan isu logistik juga memberi impak kepada harga makanan. Justeru pengawalan harga makanan asasi seperti beras perlu dilaksanakan bagi memastikan ketersediaan dan aksesibiliti beras mengikut keperluan masyarakat. Namun pengawalan harga juga perlu seimbang bagi menjamin kebajikan pegeluar dan pesawah.

POTENSI WAKAF DALAM SEKURITI MAKANAN

Wakaf merupakan penyumbang kepada pencapaian ekonomi sesebuah negara dalam perkembangan peradaban Islam sejak awal kedatangan Islam lagi. Tambahan pula, wakaf juga telah menjadi mekanisme yang dapat membantu perbelanjaan kerajaan, mencegah pembiayaan defisit, mengelak penurunan kadar faedah, memberi kestabilan dalam pengagihan pendapatan dan kekayaan, membasmi kemiskinan serta meningkatkan kemajuan ekonomi sesebuah negara. Pengumuman kerajaan yang berhasrat untuk melaksanakan inisiatif Wakaf Madani dalam Belanjawan 2023 berupaya menjadikan wakaf sebagai sektor ketiga ekonomi negara selepas sektor kerajaan dan swasta pada masa akan datang. Pendekatan wakaf yang selama ini hanya tertumpu dalam bidang hal ehwal keagamaan seperti pembinaan masjid, surau, sekolah-sekolah agama dan tanah perkuburan perlu diberi nafas baharu.

Perkembangan ekonomi Islam juga telah menjadikan amalan wakaf terus diperbaharui dan dipelbagaikan dengan memaksimumkan fungsi ke arah kebajikan dan kualiti hidup masyarakat. Mohamad et al. (2020) mengklasifikasi empat pembangunan tanah-tanah wakaf di Malaysia dan mendapati penglibatan di dalam sektor komersial sebanyak 60.09%, manakala sektor pendidikan sebanyak 27.05%, seterusnya 8.46% di dalam sektor sosial dan 4.39% di dalam sektor kesihatan. Hal ini menunjukkan, tanah wakaf bukan sahaja berbentuk tradisional seperti tujuan agama malah ianya dibangunkan dari pelbagai aspek mengikut keperluan semasa. Wakaf menjadi antara alat membasmi kemiskinan dan meningkatkan kualiti hidup masyarakat ekoran manfaat harta wakaf yang bersifat berkekalan dan dapat diperluas fungsinya. (Umami Sulaim, Mohd Faiz & Azri 2023)

Oleh itu, sebagai menjamin kualiti hidup melalui industri makanan, wakaf perlu menjadi sebagai alat ekonomi yang dapat membantu peningkatan di dalam industri makanan selaras memenuhi keseimbangan dan kestabilan sekuriti makanan negara. Dengan itu, pengenalan wakaf di dalam industri makanan perlu dilihat kembali dan dikenal pasti potensi yang bersesuaian untuk dilaksanakan sebagai salah satu alat ekonomi yang dapat membantu industri makanan dan kualiti hidup. (Umami Sulaim, Mohd Faiz & Azri 2023).

Wakaf dapat dijadikan salah satu insentif kerjasama dalam industri pertanian. Pengembangan industri makanan melalui wakaf sebenarnya dapat membantu rantai makanan daripada terputus atau kekurangan bekalan dalam memenuhi permintaan pemasaran. Menurut Mohamed et al. (2021) rangsangan pengeluaran pertanian perlu dilaksanakan terutamanya dalam melindungi pengeluar komoditi makanan miskin dengan memberi dana bagi meningkatkan produktiviti tanaman, membangunkan tanah pertanian, meningkatkan kualiti makanan, mengurangkan spekulasi rantai bekalan makanan di antara pengeluar hingga penggunaan. Perolehan dana daripada wakaf tunai boleh menjadi satu bentuk pembiayaan yang fleksibel dan berkebakikan bagi mengembangkan industri makanan. (Umami Sulaim, Mohd Faiz & Azri 2023)

Wakaf Tunai

Wakaf tunai telah diperkenalkan sebagai satu resolusi daripada sarjana Islam kontemporari terhadap skim pengumpulan dana serta pelaburan. Wakaf tunai sebagai dana modal awal atau penampungan untuk dipulangkan kembali ke dana wakaf tanpa mengenakan faedah (Basir & Hairul, 2021). Menurut Pusparini (2016), wakaf tunai mempunyai empat kelebihan. Pertama, jumlah wakaf tunai boleh berubah-ubah mengikut kemampuan pewakaf. Kedua, aset wakaf dalam bentuk tanah kosong dapat dimanfaatkan dengan membangunkan infrastruktur atau menggarapnya menjadi tanah pertanian yang produktif melalui wakaf tunai. Ketiga, wakaf tunai dapat membantu pelbagai institusi penyelidikan termasuk berkenaan sekuriti makanan dan keempat, wakaf tunai dapat mendorong mengembangkan dunia pendidikan tanpa hanya bergantung kepada peruntukan pendidikan Negara. Maka dengan wakaf tunai boleh menjadi sebagai sumber bantuan bagi industri kecil dan sederhana, perusahaan, petani dan seluruh rantaian dalam pengurusan sekuriti makanan. (Muhammad Izzat & Muhammad Hakimi 2021).

Wakaf tunai boleh digunakan untuk membangunkan tanah-tanah wakaf yang berpotensi menjadi tanah tanaman makanan dan ternakan bagi pengeluaran makanan. Selain boleh membangunkan tanah-tanah wakaf, ia dapat membantu menangani persaingan ke atas sumber tanah dalam sektor perindustrian yang mengakibatkan sewa tanah meningkat serta menyumbang kepada kenaikan harga makanan. Selain itu wakaf juga boleh berbentuk barang modal seperti bangunan, kenderaan, premis, mesin dan sebagainya bagi membantu proses pengeluaran makanan dengan lebih cekap dan cepat.

Melalui wakaf tunai juga dapat memperkenalkan kaedah pembiayaan baharu yang boleh digunakan untuk membangunkan hartanah wakaf antaranya melalui pembiayaan berasaskan kredit, pembiayaan institusi dan pembiayaan berasaskan korporat (Hydzulkifli et al., 2014). Yusof et al. (2021) mencadangkan pembiayaan kepada tiga skala iaitu kecil, sederhana dan besar seperti bentuk pembiayaan perkongsian iaitu mudharabah dan musyarakah serta penerbitan ekuiti dan sukuk sesuai bagi pembiayaan untuk projek penternakan, perikanan dan pertanian (Umami Sulaim, Mohd Faiz & Azri 2023).

Pengamalan Wakaf Dalam Industri Makanan di Malaysia

Wakaf dalam industri makanan di Malaysia masih belum popular. Pelaksanaan wakaf yang melibatkan pertanian tidak menfokuskan kepada menyediakan sumber makanan malah masih terbatas kepada kebajikan seperti Ladang Sawit Perkaya Sdn Bhd Kemaman Terengganu. Ladang ini diwakafkan pada 1992 dengan penglibatan orang ramai dan kerajaan Negeri Terengganu. Berkeluasan 830 ekar terletak di Mukim Jabor melibatkan tanaman kelapa sawit serta projek integrasi ternakan lembu dan kambing. Hasil ladang digunakan untuk pembiayaan Pertubuhan Kebajikan Anak Yatim Terengganu (PERKAYA) iaitu menaja pendidikan dan asrama anak-anak yatim seluruh Terengganu (Amaludin Ab et al., 2017). Selain itu, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Melaka mengusahakan projek wakaf melibatkan dusun buah-buahan dengan usaha sama Jabatan Pertanian Melaka, MARDI Melaka dan FAMA Melaka. Keluasan tanah melebihi dua ekar dengan tanaman durian Musang King, manggis, rambutan, cempedak dan kelapa pandan. Hasil tanaman digunakan bagi manfaat warga kampus seperti menubuhkan kumpulan keusahawanan dari kalangan pelajar, bantuan kepada pelajar kategori asnaf miskin dan masyarakat setempat (Nazri, 2021).

Walaupun projek-projek ini melibatkan kepada sektor pertanian, namun hasilnya tidak menfokuskan kepada keterjaminan makanan negara, malah untuk kebajikan golongan asnaf dan anak-anak yatim.

Berbeza dengan pelaksanaan wakaf yang dijalankan oleh Yayasan Pemeliharaan dan Perluasan Wakaf Pondok Modern (YPPWPM), Gontor. Pembangunan tanah wakaf dilaksanakan melalui sistem pajakan tanah, pembangunan tanah wakaf dengan pengurusan oleh YPPWPM seperti menyediakan benih dan alat bajak kepada petani (Umami Sulaim, Mohd Faiz & Azri 2023). Pelaksanaan sistem perkongsian untung yang dilaksanakan telah memberi implikasi yang baik iaitu petani dapat menyewa tanah dengan kadar yang lebih rendah. Selain daripada dapat menyediakan ruang pekerjaan yang luas dalam sektor pertanian, sistem ini juga dapat menyediakan sumber makanan dengan harga yang lebih berpatutan.

Manakala bagi projek penanaman nenas MD2 atas tanah wakaf yang disewa oleh pengusaha dari Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) seluas 6.2 ekar di Kampung Sungai Merab, Kajang, ia merupakan projek pembangunan tanah wakaf. Projek ini juga telah menyediakan peluang pekerjaan kepada penduduk setempat (Berita Harian, 2022). Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), Wakaf Pulau Pinang, Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) juga membangunkan tanah wakaf dengan projek ladang tanaman nenas, namun ia diusahakan oleh golongan asnaf dengan keluasan tanah wakaf 2.43 hektar di Kampung Tun Sardon, Jalan Ara Kuda. Projek-projek ini adalah bertujuan untuk membangunkan tanah wakaf terbiar disamping membantu meningkatkan ekonomi golongan asnaf (Yaseen et al., 2018), (Umami Sulaim, Mohd Faiz & Azri 2023).

Stok Penimbal

Antara perkara penting bagi menjaga kestabilan harga barangan dan makanan ialah pengukuhan stok penimbal. Dalam hal ini, wakaf dapat memberi peluang untuk berkongsi sumber simpanan stok secara institusi dalam masyarakat untuk keperluan semasa atau akan datang kerana institusi wakaf menjaga pengurusan stok penimbal bagi menjaga kepentingan umum tanpa tujuan keuntungan (M Kabir Hassan et al., 2020). Kontrak-kontrak kewangan Islam seperti Musaqah, Muzaraah, Ijarah dan sebagainya dapat digunakan untuk meningkatkan pengeluaran pertanian, mengaktifkan aset-aset wakaf yang kekal seperti bangunan dan tanah untuk tujuan tempat stok penimbal dan memberikan alternatif yang kurang penyelewengan dengan kos lebih murah. Ini diakui dalam analisis yang dilakukan dalam makalah “*Alternative Policies to Buffer Stocks for Food Security*” menunjukkan bahawa sokongan orang ramai terhadap penyimpanan swasta (stok penimbal) adalah dasar penstabilan harga yang paling efisien dan menjimatkan kos untuk kerajaan (Beaujeu, 2016). Tanah-tanah wakaf perlu diberi nilai tambah dengan peningkatan jalan pengangkutan dan bangunan sebagai tempat penyimpanan stok yang cekap dan teratur. Pendekatan ini akan merangsang pengeluaran makanan dan meluaskan sektor pertanian dengan sokongan orang ramai tanpa bergantung kepada dana daripada kerajaan (Muhammad Izzat & Muhammad Hakimi 2021).

PENUTUP

Kajian ini secara keseluruhan mengiktiraf potensi wakaf untuk menangani isu global berkaitan sekuriti makanan. Walau bagaimanapun kajian kebolehlaksanaan wakaf, penilaian impak dan kajian tindakan masih kurang dijalankan. Kerjasama semua pihak dan agensi sangat diperlukan bagi memartabatkan institusi wakaf berperanan dalam pembangunan ekonomi dan sosial terutama dalam aspek sekuriti makanan.

RUJUKAN

- Anwar, I. 2024. Ucapan Belanjawan 2024.
- Asmadi, M.N. 2016. Memahami Kerangka Maqasid Al-Syariah Dalam Kewangan Dan Pelaburan(October).
- Mohamad As Syaqqim, M.I., Azima, A.M., Ahamd Dahlan, S., Abdul Jalil, O., Zaimah, R. & Suraiya, I. 2023. Kerelevanan Wakaf Dalam Mengurus Tanah Terbiar Di Malaysia. *Akademika* 93(1): 1–23.
- Mohd Afandi, M.R., Mohd Izzat Amsyar, M.A., Faezy, A., Shofiyyah, M., Muhammad Syahrul Deen, A.R., Mohd Norazmi, N. & Siti Sarah, I. 2022. Contemporary Research In Islamic Philanthropy: An Analysis Of The Needs And Directions Of The Field Of Waqf. *Journal Of Pharmaceutical Negative Results* 13(9): 5805–5813.
- Mohd Ashrof Zaki, Y. 2018. Wakaf Infrastruktur Menurut Perspektif Hadith Dan Aplikasinya Dalam Pembangunan Hartanah Wakaf Di Selangor. Universiti Malaya,.
- Muhammad Izzat, M. & Muhammad Hakimi, M.S. 2021. Peranan Pentadbiran Zakat, Infaq, Sedekah Dan Wakaf Dalam Sekuriti Makanan Di Kalangan Golongan Rentan Ketika Krisis. *Jurnal Dunia Pengurusan* 3(4): 37–55.
- Noorfazreen, M.A. & Asmak, A.R. 2011. Pelaksanaan Dasar Sekuriti Makanan Di Malaysia : Kajian Daripada Perspektif Ekonomi Islam. *Jurnal Syariah, Jil. 19, Bil 1(1)*: 39–62.
- Nur Annizah, I. & Pazim @ Fadzim, O. 2005. Food Security In Malaysia From Islamic Perspective. *Jurnal Syariah* 13(2): 1–15.
- Rasyidah Md. Khalid, Muhammad Amirul Ashraf A. Ghani, Muhamad Zawawi Jalaludin, Suhaimi Ab Rahman & Nurul Aini Yaacub. 2021. Waqaf Air Dan Isu Perundangan Di Malaysia. *Islāmiyyāt* 43(Isu Khas): 165–172.
- Ummi Sulaim, A.R., Mohd Faiz, M.Y. & Azri, B. 2023. Analisis Peranan Wakaf Dalam Industri Makanan Sebagai Jaminan Kualiti Hidup. *Global Journal Al-Thaqafah* 1(183)(Special Issue): 183–201.
- Utusan Malaysia, Ogos 2023). Norma Baharu Gelombang Krisis Makanan <https://www.utusan.com.my/luar-negara/2023/08/norma-baharu-gelombang-krisis-makanan/>. Acces pada 20 oktober 2023